



(Foto AFP)

Individu dijangkiti cacar monyet.

Berita Harian 25/7/2022 (Page 47)

Itali catat lebih 400 jangkitan, keadaan masih terkawal

Rom: Lebih 400 kes cacar monyet direkodkan di Itali, kata Ketua Pengarah bahagian Pencegahan Kementerian Kesihatan negara itu, Gianni Rezza, selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak penyakit itu sebagai darurat kesihatan awam.

Kelmarin, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus mengumumkan bahawa wabak cacar monyet diisytiharkan darurat kesihatan global.

Rezza dalam satu kenyataan berkata, Itali mencatatkan 407 kes cacar monyet setakat ini, tetapi keadaan terkawal, lapor *Sputnik*.

Ghebreyesus berkata, walaupun wabak cacar monyet diisytiharkan darurat kesihatan global, 'buat masa ini kebanyakan kes tertumpu dalam kalangan lelaki yang melakukan hubu-

ngan seks dengan lelaki, terutama mereka yang mempunyai ramai pasangan seksual'.

Tingkat kempen kesedaran

Pada masa yang sama, beliau menyeru semua negara untuk bekerjasama rapat dengan kumpulan yang terjejas, meningkatkan kempen kesedaran, dan memberi amaran terhadap diskriminasi dan stigma.

Menurut ketua pengarah WHO, lebih 16,000 kes cacar monyet direkodkan di 75 negara dan wilayah, dengan lima kematian setakat ini.

Kebanyakan pesakit pulih daripada jangkitan wabak itu selepas beberapa minggu tanpa rawatan.

Menurut WHO, cacar monyet lebih menjejaskan kanak-kanak kecil, wanita hamil dan individu yang mengalami gangguan sistem imun.

Virus cacar monyet tidak mudah berjangkit dan biasanya akan merebak melalui kontak fizikal yang rapat, termasuk hubungan seksual dengan individu yang dijangkiti.

Ia boleh menjangkiti tubuh manusia melalui saluran pernafasan, mata, hidung dan mulut serta melalui cecair

badan.

Cacar monyet adalah penyakit zoonosis (yang merebak antara haiwan dan manusia).

BERNAMA



Gianni Rezza